



JPA.800-4/2/13 (3)

13 Oktober 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENYERAGAMAN TARIKH KUAT KUASA PEMBAYARAN ELAUN-ELAUN LAIN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN KEPADA PEGAWAI YANG DILULUSKAN PEMANGKUAN DENGAN TARIKH KUAT KUASA PEMBAYARAN ELAUN PEMANGKUAN PEGAWAI YANG MEMOHON PENANGGUHAN PENEMPATAN DI JAWATAN PEMANGKUAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Perenggan 47, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 telah memperuntukkan bahawa Elaun Pemangku mula dibayar pada tarikh pemangku itu berkuat kuasa. Hal ini juga terpakai bagi pembayaran elaun-elaun lain dan kemudahan-kemudahan berkaitan jawatan yang dipangku.

3. Seterusnya, bagi pegawai yang memohon penangguhan tarikh melapor diri, Elaun Pemangku akan mula dibayar mulai tarikh pegawai melaksanakan tugas yang dipangku secara sepenuh masa mengikut Perenggan 32, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010. Walau bagaimanapun, tiada ketetapan dibuat bagi tarikh pembayaran elaun-elaun lain dan kemudahan berkaitan jawatan yang dipangku bagi pegawai yang memohon penangguhan tarikh melapor diri. Hal ini telah menimbulkan kekeliruan dari segi proses pengurusan pembayaran emolumen kepada pegawai berkenaan.

4. Sehubungan itu, untuk memastikan proses pembayaran elaun-elaun lain dan kemudahan-kemudahan berkaitan dilaksanakan dengan teratur, **tarikh pembayaran elaun-elaun lain dan kemudahan-kemudahan bagi pegawai yang memohon penangguhan tarikh melapor diri untuk melaksanakan tugas jawatan yang dipangku diseragamkan pada tarikh pegawai mula menjalankan tugas yang dipangku secara sepenuh masa.** Tarikh kuat kuasa ketetapan ini adalah mulai **1 Oktober 2021**.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK AWANG ALIK BIN JEMAN)

Pengarah

Bahagian Saraan

b.p.: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Jabatan Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ 03-8885 5601

✉ awang.jeman@jpa.gov.my